

16 NOV 2000

APEC-MODAL

ALIRAN MODAL ANTARABANGSA MESTI DIKAWAL, KATA LAGOS

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Nov (Bernama) -- Presiden Chile Ricardo Lagos, hari ini menggesa masyarakat perniagaan Apec supaya mendesak diadakan beberapa langkah untuk mengawal selia dan memantau pengaliran modal.

Beliau berkata forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) masih mengabaikan bahaya-bahaya aliran modal jangka pendek mudah ruap dan tidak mengiktiraf keperluan untuk mengekang aliran seumpama itu dengan cara pembaharuan.

Pandangan Lagos itu adalah amat selari dengan perhatian berat Malaysia terhadap pembaharuan kerangka kewangan antarabangsa.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir telah menganjurkan pada masa lalu bahawa adalah satu kesilapan tidak memperbaharui kerangka kewangan kerana negara-negara membangun akan terus menderita di tangan spekulator-spekulator matawang tidak bertanggung jawab.

Mempersetujui bahawa globalisasi adalah baik, presiden Chile itu berkata terdapat banyak ekonomi yang diancam olehnya terutama dengan aliran bebas modal yang telah mengganggu gugat ekonomi-ekonomi seperti terbukti pada krisis kewangan Asia baru-baru ini.

Katanya: "Dalam perkara ini kawal seliaan antarabangsa adalah diperlukan memandangkan aliran bebas modal menghadapi cabaran yang besar kepada negara-negara kecil.

"Perbincangan mengenai globalisasi tidak harus cuma tertumpu kepada penghapusan tarif tetapi juga ke atas perundangan sosial dan alam sekitar."

Beliau juga memberi peringatan bahawa globalisasi ekonomi dunia boleh menghasilkan pembiakan jenayah antarabangsa, pembersihan wang haram, penyelewengan cukai, penyeludupan dadah dan pengganas bersenjata.

Lagos berucap pada sesi dialog dengan anggota-anggota ABAC pada hari terakhir Sidang Kemuncak CEO ABAC semalam mengenai tajuk "Matlamat Apec dan Dunia Sedang Muncul Tanpa Tembok" dengan sesi itu dipengerusikan oleh Pengarah Institut bagi Ekonomi Antarabangsa, Fred Bergsten.

Beliau menerangkan bahawa tiada ada faedahnya mempunyai satu regim tarif yang rendah jika masalah-masalah anti-lambakan, satu kebimbangan besar di kalangan banyak ekonomi kecil, tidak ditangani sama sekali.

Ini adalah satu isu merupakan kebimbangan besar bagi ekonomi-ekonomi kecil sedang membangun seperti Chile, yang ekonominya berprestasi amat baik dan eksport meningkat ke negara-negara maju.

"Saya menggesa Apec dan masyarakat perniagaan supaya menangani masalah ini (dalam menetapkan agenda bagi Pertubuhan Perdagangan Dunia) atau jika tidak kami akan terus menghadapi masalah yang serupa yang dihadapi di Seattle.

"Itulah sebabnya kenapa Chile memihak kepada satu pusingan baru perbincangan untuk menangani isu-isu ini dan adalah amat penting bahawa setiap ekonomi, terutamanya yang kecil, membentangkan pandangan mereka."

Sementara itu, Presiden Vladimir Putin Russia memberitahu Sidang Kemuncak CEO ABAC bahawa Russia sedang melakukan sebaik-baiknya untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara itu.

Beliau berkata negara itu kini bergerak ke arah mengurangkan karenah birokrasi dan sedang merancang untuk mengurangkan tarif kastam dan menjadikan perundangan lebih telus.

Putin juga berkata bahawa Russia telah menyediakan pelbagai langkah untuk mempertingkatkan iklim perniagaan bagi pelaburan asing.

Menyebut bahawa Russia dan seluruh ekonomi Apec boleh melengkapi satu

sama lain, Putin berkata terdapat ruang tanah yang luas di Siberia dan Timur Jauh yang belum lagi diterokai daripada segi potensi pelaburan

"Russia juga mempunyai sumber tenaga yang besar yang jiran-jiran kami berminat," tambahnya.

Sambil menyatakan bahawa satu kod cukai baru telah diwujudkan bagi pelaburan asing di Russia, beliau menjelaskan seterusnya bahawa negara itu kini cenderung mengurangkan pembabitan negara dalam perniagaan dan bahawa ini kini memastikan bahawa dasar-dasar perniagaan dilaksanakan.

"Kami juga mempertingkatkan sistem perbankan kami supaya mewujudkan satu iklim perniagaan yang baik bagi pelabur-pelabur domestik dan juga asing," tambahnya.

-- BERNAMA

DVS KTC OS MA